



Ringkasan Kertas Polisi

Keterjaminan makanan jangka panjang di Malaysia

Hala tuju melangkaui sara diri dan kebergantungan import

Oleh [Dr Larry Wong](#), [Dr Andrew Kam](#), [Datin Zaeidah Mohamed Esa](#)
and [Qarrem Kassim](#)

Mac 2024

ISIS Malaysia

Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) Malaysia telah ditubuhkan pada 8 April 1983 sebagai sebuah organisasi penyelidikan autonomi yang menumpukan kepada dasar luar negara, keselamatan, ekonomi, dasar sosial, pembinaan negara bangsa, teknologi, inovasi serta kajian berkaitan alam sekitar.

Sebagai sebuah badan pemikir terkemuka, ISIS Malaysia memainkan peranan aktif dalam diplomasi Jejak Kedua (Track Two Diplomacy) dan menggalakkan integrasi serantau serta kerjasama antarabangsa menerusi jaringan seperti ASEAN Institutes of Strategic and International Studies (ASEAN-ISIS), Pacific Economic Cooperation Council (PECC) dan Network of East Asian Think-Tanks (NEAT).

.....

Mengenai para penyumbang

Dr Larry CY Wong merupakan felo kanan pelawat di Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) Malaysia serta Profesor Adjung di Universiti Taylor's. Beliau mempunyai pengalaman lebih 40 tahun dalam bidang perancangan dan pengurusan perniagaan serta dasar berkaitan pertanian. Bidang kepakaran beliau merangkumi keselamatan makanan, sistem makanan masa hadapan dan pembangunan mampan. Beliau memiliki Ijazah Kedoktoran (PhD) dari University of Kent-at-Canterbury; Ijazah Sarjana Ekonomi (MEc) dari University of New England; dan Ijazah Sarjana Muda Sains Pertanian (Kepujian) dari Universiti Malaya.

Dr Andrew Kam Jia Yi ialah felo penyelidik kanan di Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa (IKMAS), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), serta merupakan Profesor Madya Ekonomi dan Ketua Pusat Kajian Amerika Latin. Bidang penyelidikan beliau meliputi perdagangan antarabangsa, FDI, rantaian nilai global, keselamatan makanan, pendigitalan dan pemindahan teknologi. Beliau memiliki Ijazah Kedoktoran (PhD) dari Australian National University; Ijazah Sarjana Sains Ekonomi dari University of Warwick; dan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dari UKM.

Datin Zaeidah Mohamed Esa merupakan pengarah bahagian pertanian, Kementerian Ekonomi. Beliau bertanggungjawab dalam merangka serta menilai dasar dan strategi pembangunan sektor pertanian negara bagi jangka sederhana dan panjang. Sebelum ini, beliau pernah berkhidmat sebagai Pengarah Keselamatan dan Pembangunan Tanah di Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS); Pengarah Dasar di Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional; serta menyandang pelbagai jawatan dalam perkhidmatan kerajaan negeri Pahang.

Qarrem Kassim ialah penganalisis di Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) Malaysia. Bidang penyelidikan utama beliau meliputi geoekonomi dan perdagangan antarabangsa, ekonomi institusi, pertumbuhan produktiviti serta dasar perindustrian – dengan tumpuan khusus kepada pembangunan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) tempatan. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Ekonomi dari University of Sydney.

Ringkasan eksekutif

- Penekanan berlebihan terhadap kadar sara diri (SSR) dan kadar kebergantungan import (IDR) dalam sistem keterjaminan makanan boleh membawa kepada ketidakcekapan dan daya tahan yang terhad. Sistem keterjaminan makanan yang menyeluruh dan holistik perlu meliputi dimensi kebolehcapaian (availability), penggunaan (utilisation), kestabilan (stability), kemampanan (sustainability), dan keupayaan bertindak (agency).
- Pencapaian keseimbangan antara kebergantungan sendiri dan kecukupan adalah penting untuk menghadapi gangguan masa hadapan. Keterjaminan makanan di Malaysia perlu memberi tumpuan kepada keupayaan kewangan isi rumah, kualiti dan daya tahan sistem pemakanan, dan bukan semata-mata kepada pengeluaran nasional dan kecukupan sendiri sahaja.
- Daya tahan (food resilience) sistem makanan melibatkan keupayaan sistem tersebut untuk kalis kejutandan kembali pulih dengan memastikan bekalan makanan bernutrisi yang mampan dan andal. Kebolehgantian dan item makanan yang saling melengkapi sebagai sumber memenuhi piramid makanan serta amalan pertanian mampan, adalah komponen penting untuk membentuk daya tahan sistem makanan. Dasar yang memberi insentif kepada amalan pertanian mampan, perkongsian risiko, dan peningkatan pelaburan, terutamanya dalam R&D&C&I, juga menyokong daya tahan sistem ini.
- IPR-INTAN (Inisiatif Pendapatan Rakyat - Inisiatif Usahawan Tani), yang diperkenalkan dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12, bertujuan memperkukuh modernisasi sistem makanan negara. Inisiatif ini memperkasakan lagi amalan terbaik lain, seperti pertanian pintar dan pertanian berskala besar dengan menyokong pengoptimuman jangka pendek kepada pencapaian keseimbangan jangka panjang.
- Pengelasan minyak sawit sebagai makanan boleh mengubah kedudukan Malaysia daripada pengimport bersih kepada pengeksport bersih makanan. Dengan menyelaraskan pengelasan mengikut definisi FAO, Bank Dunia, dan UNCTAD, Malaysia akan berada pada kedudukan pengeksport makanan bersih yang konsisten dan membuka peluang bagi perdagangan strategik dan inovatif, perdagangan balas dan pengaturan pelaburan.
- Dalam hubungan ini, sebagai pengeksport bersih makanan, Malaysia boleh memanfaatkan dan mempromosikan secara aktif diplomasi makanan berkaitan keterjaminan makanan melalui keanggotaannya dalam rangka kerja multilateral, serantau, dan dua hala. Dalam konteks ini, pihak berkepentingan utama daripada kementerian lain serta sektor swasta akan sentiasa dilibatkan dalam usaha keseluruhan negara (whole of nation) untuk merealisasikan pengaturan strategik ini, sekali gus memperkukuh keterjaminan makanan jangka panjang Malaysia.
- Penyelarasan pelbagai dasar yang melibatkan lapan kementerian di samping pelbagai keperluan tempatan pemegang taruh memberikan cabaran terhadap penyelarasan dan koherensi dasar serta keberkesanan tadbir urus. Memandangkan sistem makanan bersifat pelbagai dimensi dan disiplin, penyelarasan antara agensi kerajaan, semakan berkala, serta penyesuaian dalam penyertaan di peringkat negeri bagi menangani cabaran keterjaminan makanan yang pelbagai adalah amat penting.

1. Pengenalan

Pada asasnya, Malaysia merupakan ekonomi kecil terbuka dan negara perdagangan utama dengan lebih dagangan tahunan yang kukuh serta nisbah perdagangan kepada KDNK yang tinggi. Selain itu, Malaysia juga mempunyai modal semula jadi, kedudukan geografi strategik, dan kelebihan sejarah, Malaysia boleh dimanfaatkan bagi memastikan keterjaminan makanan jangka panjang negara.

Dalam menghadapi kerumitan dan cabaran di peringkat global, serantau, dan nasional, pemikiran semula terhadap strategi keterjaminan makanan jangka panjang Malaysia memerlukan pendekatan dasar dan strategi inovatif yang berasaskan pencapaian terdahulu. Usaha ini memerlukan penyesuaian semula serta pengukuhan kerjasama antara kerajaan, industri, dan komuniti tani dalam mewujudkan pendekatan holistik yang seimbang untuk menangani dan menguruskan aspek pelbagai dimensi keterjaminan makanan dan pemakanan.

Pandemik Covid-19 telah menunjukkan bagaimana peristiwa luar jangka (ataupun “black swan events”) boleh meningkatkan cabaran keterjaminan makanan yang sedia ada. Namun, pengajaran utama daripada pandemik ini ialah negara yang pulih dengan pantas lazimnya mengamalkan pendekatan menyeluruh yang melibatkan kerjasama seluruh masyarakat dan kerajaan. Hal ini menekankan kepentingan kerjasama pelbagai pemegang taruh serta pelaksanaan dasar yang berkesan. Langkah-langkah ini, bersama usaha memperkukuh rantai nilai dan jaringan perdagangan serta mengadaptasi teknologi dan inovasi pertanian digital, adalah elemen penting untuk memastikan keterjaminan makanan jangka panjang Malaysia.

Sehubungan itu, cabaran utama yang bakal dihadapi adalah tahap kesiapsiagaan Malaysia dalam mengurus gangguan pelbagai dimensi terhadap rantai nilai dan rangkaian perdagangan perubahan, perubahan iklim, pandemik zoonotik, konflik bersenjata, perang dagangan, dan teknologi disruptif, di samping kemungkinan kejadian “black swan” lain.

Untuk mengharungi cabaran ini dan memperkukuh kesiapsiagaan negara, Malaysia harus kembali kepada asas dengan memanfaatkan modal semula jadi dan kekuatan yang sedia ada. Ini merangkumi pengiktirafan pelbagai model dan pendekatan terhadap keterjaminan makanan dan pemakanan jangka panjang.

2. Analisis

2.1. Keterjaminan makanan menjangkau konsep sara diri

Dalam perbincangan mengenai keterjaminan makanan, terdapat penekanan yang berlebihan terhadap peningkatan SSR dan pengurangan IDR bagi barangan makanan utama. Walaupun keupayaan berdikari mungkin dianggap penting dari sudut keterjaminan makanan, ia boleh menyebabkan ketidakcekapan dalam pengeluaran, keterbatasan daya tahan terhadap gangguan, dan kecenderungan untuk mengutamakan ketersediaan barangan makanan berbanding pertimbangan yang lebih seimbang antara bekalan dan permintaan.

Selain itu, penekanan berterusan terhadap ketersediaan dan kestabilan bekalan mungkin mengabaikan dimensi keterjaminan makanan yang lain, seperti aksesibiliti, penggunaan, kelestarian, dan keupayaan bertindak (agensi)¹. Kepentingan dua dimensi terakhir (kelestarian dan keupayaan bertindak) yang diperkenalkan pada tahun 2021 berikutan Laporan Panel Pakar

Tahap Tinggi, 2020, dirancang untuk memastikan ketahanan rangkaian pengeluaran dan pengagihan makanan serta mempertimbangkan aspek pemakanan dan kesihatan makanan dalam semua fasa pengeluaran dan penggunaan makanan.

‘Kelestarian’ merujuk kepada usaha untuk memastikan keterjaminan makanan melalui amalan pengeluaran dan penggunaan yang berterusan, tanpa menyebabkan kemusnahan alam sekitar atau menjejaskan keupayaan generasi akan datang untuk memenuhi keperluan makanan. Pertanian mampan dan pengurusan sumber secara bertanggungjawab merupakan komponen kritikal dalam dimensi ini.

“Agensi” merujuk kepada kemampuan individu dan komuniti untuk membuat pilihan dan keputusan berkaitan makanan dan pemakanan. Ia melibatkan kebebasan untuk memilih jenis makanan yang ingin dimakan serta mengambil penyertaan dalam proses membuat keputusan berkaitan dasar dan program keterjaminan makanan.

Justeru, dasar keterjaminan makanan perlu mengambil kira keseimbangan piramid makanan yang merangkumi karbohidrat, protein, serat, serta keperluan makro dan mikronutrien dalam diet. Selain penekanan terhadap SSR bagi barangan makanan individu, pertimbangan terhadap kebolehsuaian dan keserasian sumber nutrien juga amat penting. Kebergantungan berterusan terhadap SSR mungkin tidak mencerminkan gambaran menyeluruh aspek dalam menilai keterjaminan makanan, kerana akses kepada makanan yang lebih murah tetapi kurang berkhasiat boleh membawa kesan buruk terhadap hasil kesihatan masyarakat.

Sebagai contoh, Franco dan Davis (2021) mempersoalkan penekanan dan relevansi berlebihan terhadap isu sara diri dalam penyelidikan mereka mengenai sistem makanan global, diet, dan nutrisi pemakanan². Dalam kajian tersebut, mereka mendapati bahawa dalam kalangan negara yang dikaji, teknologi, prestasi ekonomi, dan pertimbangan alam sekitar mempunyai hubungan lebih rapat dengan tahap pemakanan dalam diet dan hasil kesihatan. Oleh itu, mereka mencadangkan supaya dimensi komprehensif untuk meningkatkan nilai pemakanan dalam diet dimasukkan dalam kerangka dasar keterjaminan makanan secara menyeluruh, kerana mengabaikan aspek ini boleh meningkatkan kadar penyakit tidak berjangkit (NCD).

2.2. Kebergantungan sendiri (self-reliance) berbanding sara diri (self-sufficiency)

Dalam persediaan menghadapi cabaran masa depan, salah satu aspek teras adalah mencapai keseimbangan yang tepat antara kebergantungan sendiri dan sara diri dalam sistem makanan. Daripada terus bergantung secara berlebihan kepada sendiri, yang sering kali menjurus kepada ketidakcekapan dan daya tahan yang terhad, pendekatan yang lebih pragmatik adalah menekankan kebergantungan sendiri. Ini merangkumi pengeluaran pada tahap sendiri yang selesa atau strategik, digabungkan dengan keupayaan untuk memperoleh keseimbangan secara strategik bagi membolehkan sesebuah negara memperkukuh daya adaptasi, inovasi, dan keupayaan bertindak balas terhadap gangguan.


Tahap pendapatan sesebuah negara juga mencerminkan keupayaannya untuk memperoleh makanan. Justeru, isu keterjaminan makanan Malaysia harus lebih tertumpu kepada keupayaan kewangan isi rumah untuk membeli makanan, status nutrisi makanan, serta daya tahan terhadap kejutan ekonomi, berbanding hanya menumpukan kepada isu pengeluaran negara dan sendiri. Rajah 1 menunjukkan bahawa Malaysia berada dalam kedudukan yang lebih kukuh untuk menghadapi kejutan / gangguan sistem makanan berbanding negara-negara ASEAN lain, berdasarkan keluaran dalam negara kasar (KDNK) per kapita yang kedua tertinggi di rantau ini.

Walau bagaimanapun, analisis yang lebih mendalam menunjukkan bahawa ramai kanak-kanak mengalami masalah malnutrisi dan obesiti. Laporan UNICEF 2019 menganggarkan bahawa 20.7% kanak-kanak berusia di antara 5 hingga 19 tahun mengalami masalah tumbesaran terencat, manakala 12.7% menghadapi masalah obesiti. Angka ini bukan hanya mencerminkan prospek kesihatan jangka panjang yang kurang memberangsangkan, tetapi juga mendedahkan ketidakseimbangan jurang pendapatan yang ketara dalam negara serta diet yang kurang berkhasiat. Beban berganda kekurangan zat makanan ini turut ketara dalam kalangan orang dewasa di Malaysia, dengan peningkatan NCD berlaku seiring dengan masalah kekurangan zat tradisional serta tabiat pemakanan yang tidak sihat.

Justeru, pendekatan yang lebih holistik terhadap keterjaminan makanan adalah penting, dengan mengiktiraf bahawa keupayaan sara diri sahaja tidak memadai untuk menangani keperluan pemakanan yang semakin meningkat, terutamanya dalam kalangan golongan berpendapatan rendah di Malaysia. Pendekatan kebergantungan sendiri dalam makanan mesti melangkaui aspek kuantiti semata-mata dan merangkumi perspektif pemakanan serta diet, bagi memastikan keperluan rakyat dipenuhi secara menyeluruh.

Rajah 1: Tahap pendapatan per kapita Malaysia yang relatif tinggi menunjukkan keupayaan yang kukuh untuk menghadapi cabaran keterjaminan makanan di kalangan negara-negara ASEAN.

KDNK per kapita, semasa US\$, 2022



Sumber: World Bank database

2.3. Daya tahan sistem makanan adalah penting untuk keterjaminan makanan

“Daya tahan” sistem makanan ditakrifkan sebagai keupayaan sistem makanan untuk menahan kejutan luaran dan pulih dengan tetap menyediakan bekalan makanan yang mencukupi serta boleh dipercayai. Ia merangkumi usaha pengukuhan kapasiti sistem bagi bertindak balas dan menyesuaikan diri terhadap pelbagai masalah, seperti bencana alam, krisis kewangan, perubahan iklim, dan senario luar jangka berlainan.

Walaupun keterjaminan makanan lazimnya tertumpu kepada ketersediaan dan akses kepada makanan berkualiti bagi individu dan komuniti, ketahanan makanan menilai keupayaan keseluruhan sistem untuk bertahan dan pulih daripada gangguan dalam jangka panjang. Sistem yang berdaya tahan dapat memastikan bekalan makanan yang lebih stabil dan berterusan, meskipun menghadapi gangguan setempat, dengan memanfaatkan sumber alternatif yang pelbagai serta pemakanan seimbang yang merangkumi karbohidrat, protein, mikronutrien dan serat.

Salah satu komponen utama ketahanan makanan ialah kepelbagaian sumber. Sistem makanan yang berdaya tahan bergantung kepada pelbagai sumber, termasuk pelbagai jenis haiwan dan tanaman, serta kawasan geografi yang berbeza. Kepelbagaian ini berfungsi sebagai penampungan terhadap kesan kegagalan pertanian, serangan perosak dan wabak penyakit yang boleh menjejaskan kawasan atau tanaman tertentu.

2.4. IPR-INTAN

Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas (KSP RMKe-12) menekankan pertanian dan industri berasaskan agro yang berorientasikan pertumbuhan tinggi dan nilai tinggi (HGHV). Penekanan diberikan melalui pengukuhan pemodenan sistem makanan dengan penerapan pertanian pintar, penggalakan amalan rendah karbon, serta perluasan pelaksanaan Inisiatif Pendapatan Rakyat - Usahawan Tani (IPR-INTAN) yang diperkenalkan pada Mac 2023.

Pelaksanaan IPR-INTAN telah dikenali pasti sebagai salah satu “Anjakan Besar” yang dilaksanakan dalam baki tempoh RMKe-12, sejajar dengan usaha memperluaskan rantaian bekalan serta meningkatkan pendapatan petani tempatan. Inisiatif ini memanfaatkan tapak yang sesuai untuk aktiviti pertanian, khususnya di kawasan yang mempunyai kadar kemiskinan yang tinggi. Pembiayaan Kerajaan disediakan bagi menampung kos infrastruktur, input pertanian, latihan, dan khidmat nasihat teknikal.

Inisiatif ini dilaksanakan melalui kerjasama dengan rakan strategik yang berwibawa serta pemilihan peserta secara teliti dalam kalangan kumpulan B40. IPR-INTAN memberi tumpuan kepada pengeluaran tanaman strategik, seperti cili dan jagung bijirin, untuk meningkatkan SSR dan mengurangkan kebergantungan Malaysia kepada import serta meningkatkan sendiri.

Di bawah program ini, bantuan disediakan dalam bentuk input pertanian dan peralatan moden, latihan dan khidmat nasihat teknikal serta elaun pra-penuaian. Pelancarannya di seluruh negara telah dilaksanakan dengan kerjasama antara pelbagai pihak, termasuk kementerian, agensi, kerajaan negeri serta sektor swasta. Sejak pelancarannya pada Mac 2023, IPR-INTAN telah merekodkan 16 tapak meliputi lebih 364 hektar tanah dan melibatkan lebih 1,000 peserta. IPR-INTAN menyasarkan untuk memberi manfaat kepada lebih 1,000 peserta lagi dalam baki tempoh RMKe-12.

2.5. Perdagangan makanan – kes minyak sawit yang Unik

Malaysia ialah sebuah negara yang kaya dengan sumber semulajadi. Namun begitu, kebergantungan terhadap negara lain dalam memenuhi keperluan makanan terus meningkat. Satu naratif yang sering dibangkitkan ialah bil import makanan yang tinggi. Walau bagaimanapun, seperti yang dinyatakan dalam Bab 5 mengenai ‘Pertanian’ dalam ISIS (2011)³, ini adalah satu kes yang menghairankan, kerana organisasi antarabangsa mengklasifikasikan Malaysia sebagai pengeksport bersih makanan yang besar.

Contohnya, klasifikasi makanan oleh FAO merangkumi bijirin, daging, minyak & lemak, gula dan tenusu, manakala klasifikasi oleh Bank Dunia merangkumi bijirin, minyak & lemak, dan makanan lain (daging, gula, minuman, dan sebagainya). Sistem klasifikasi perdagangan antarabangsa standard (SITC) oleh Persidangan PBB mengenai Perdagangan dan Pembangunan (UNCTAD) pula mentakrifkan “semua item makanan” sebagai “makanan dan haiwan hidup” (SITC 0), “minuman dan tembakau” (SITC 1), “biji minyak dan buah berminyak” (SITC 22), serta “minyak haiwan dan sayuran, lemak dan lilin” (SITC 4).

Namun, Malaysia tidak mengklasifikasikan minyak dan lemak (terutamanya minyak sawit dan produk berasaskan sawit) sebagai makanan, yang mengakibatkan persepsi salah mengenai tahap kebergantungan makanan negara.


Pada tahun 2009, Jabatan Pertanian Amerika Syarikat (USDA) dan Bank Dunia juga melaporkan bahawa Malaysia merupakan salah satu daripada lima negara yang paling mendapat manfaat daripada krisis makanan global 2008, terutamanya hasil daripada eksport minyak sawit dan produk berasaskan sawit. Hal ini sekali lagi menegaskan bahawa Malaysia sebenarnya memainkan peranan besar dalam perdagangan makanan di peringkat global.

Rajah 2 menggambarkan baki perdagangan item makanan Malaysia dan sub-kategori makanan (mengikut kod SITC) antara tahun 2011 dan 2021.

Rajah 2: Malaysia boleh menjadi pengeksport bersih makanan jika eksport minyak sawit diklasifikasikan sebagai produk makanan.

Baki dagangan Malaysia untuk makanan dan sub-kategori mengikut kod SITC, dalam bilion US\$.

Sumber: UNComtrade



Sumber: UNComtrade

Rajah 2 menunjukkan bahawa Malaysia merupakan pengimport bersih makanan jika minyak sawit dikecualikan (berdasarkan amalan semasa). Namun, apabila minyak sawit diklasifikasikan sebagai makanan, Malaysia “berubah” menjadi pengeksport bersih makanan yang besar sepanjang tempoh tersebut. Pergerakan trend yang serupa antara kategori “semua barangan makanan” dan minyak sawit juga mengukuhkan kepentingan minyak sawit dalam perdagangan makanan Malaysia.

Membetulkan kekeliruan definisi sedia ada merupakan satu peluang mudah yang boleh dimanfaatkan. Dengan itu, naratif baharu yang perlu yang diketengahkan ialah bahawa Malaysia sebenarnya merupakan pengeksport bersih makanan yang besar berdasarkan dominasi rantaian nilai minyak sawit⁴, jaringan perdagangan global, serta jumlah eksport yang signifikan. Malaysia kini boleh dengan yakin menyatakan bahawa “kita memberi makan kepada dunia!”.

Slogan baharu ini juga boleh dimanfaatkan secara strategik untuk menangani serangan berterusan terhadap industri minyak sawit Malaysia oleh Eropah dan Amerika Syarikat atas alasan biodiversiti, penebangan hutan, dan isu kemampanan.

Dengan itu, Malaysia harus memastikan bahawa kita mencapai tahap sara diri yang selesa bagi makanan ruji utama sambil memperoleh sumber strategik bagi sebarang defisit yang dijangka. Langkah ini akan menyeimbangkan semula perspektif perdagangan makanan Malaysia secara lebih seimbang, holistik dan mampan. Pendekatan ini bukan sahaja mengubah paradigma lama yang berasaskan kebimbangan terhadap kebergantungan import, malah turut memacu Malaysia ke arah laluan yang lebih seimbang dan lestari bagi keterjaminan makanan jangka panjang.

2.6. Meningkatkan keterjaminan makanan melalui penyertaan strategik dalam rangka kerja dan mekanisme multilateral dan bilateral

Malaysia terlibat dalam pelbagai rangka kerja multilateral yang melibatkan pelbagai dimensi keterjaminan makanan. Sebagai sebuah ekonomi kecil dan terbuka, Malaysia turut membentuk aturan strategik secara bilateral. Rangka kerja dan mekanisme ini harus dimanfaatkan bagi memperkukuh keterjaminan makanan negara dalam jangka masa pendek, sederhana, dan panjang, selaras dengan hala tuju strategik Malaysia dalam aspek ini.

Salah satu contoh utama rangka kerja dan mekanisme kerjasama yang Malaysia telah komited serta memperuntukkan sumber, ialah kerangka ASEAN.⁵ Ini termasuk Kerangka Kerja Keterjaminan Makanan Bersepadu ASEAN (AIFS) dan Pelan Strategik Tindakan Mengenai Keselamatan Makanan (SPA-FS) 2021-2025, di mana di bawah “Teras Strategik 1 – Memperkukuh keterjaminan makanan, termasuk pengaturan bantuan kecemasan/kekurangan,” Malaysia bertindak sebagai peneraju dalam memperkukuh kelestarian rantaian bekalan makanan dengan memajukan industri benih. Ini membuka ruang dan peluang untuk membangunkan platform yang berdaya maju secara komersial bagi perkongsian maklumat benih, memudahkan kerjasama teknikal dan ekonomi dalam kalangan pemain industri, serta menyelaraskan peraturan berkaitan sistem industri benih. Langkah ini bukan sahaja memberi faedah dalam aspek keterjaminan makanan, tetapi mengukuhkan daya saing industri benih tropika Malaysia dalam jangka panjang.

Naratif baharu bahawa Malaysia sebagai pengeksport bersih makanan (sekiranya pembetulan takrif minyak sawit sebagai makanan dilaksanakan), akan mempertingkatkan Malaysia dalam kedudukan yang lebih kukuh untuk menggalakkan gabungan keterjaminan makanan serta diplomasi makanan di peringkat multilateral, serantau, dan bilateral⁶. Ini boleh membuka laluan kepada aturan perdagangan inovatif, termasuk perdagangan balas (terutamanya melibatkan minyak sawit serta produk makanan lain yang boleh dieksport secara kompetitif), serta pelaburan rentas sempadan yang lebih inovatif.

Walau bagaimanapun, merealisasikan manfaat ini menerusi mekanisme multilateral dan bilateral, sambil memperkukuhkan keterjaminan makanan Malaysia, memerlukan usaha penyelarasan yang melibatkan pihak berkepentingan utama dalam pelbagai kementerian serta sektor swasta. Oleh itu, Malaysia harus menginstitusikan pendekatan “whole-of-nation” atau usaha kolektif yang lebih fokus dan tersasar bagi mencapai objektif strategik ini.

Jadual 1: Dasar-dasar Negara Berkenaan Keterjaminan Makanan⁷

Tempoh	Dasar	Kementerian
1983	Akta Makanan, 1983	Kementerian Kesihatan
1984 – 1991	Dasar Pertanian Negara (NAP 1)	Kementerian Pertanian
1985	Peraturan-Peraturan Makanan, 1985	Kementerian Kesihatan
1992 – 1997	Dasar Pertanian Negara (NAP 2)	Kementerian Pertanian
1998 – 2010	Dasar Pertanian Negara (NAP 3)	Kementerian Pertanian
1996 – 2000	Pelan Tindakan Pemakanan Kebangsaan Malaysia	Kementerian Kesihatan
2001	Majlis Keselamatan Makanan dan Pemakanan Kebangsaan (MKMPK)	Kementerian Kesihatan
2002	Dasar Pengguna Negara	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan
2003	Dasar Pemakanan Kebangsaan Malaysia	Kementerian Kesihatan
2005	Dasar Amalan Perdagangan Adil	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan
2005 – 2020	Dasar Bioteknologi Kebangsaan (NBP 1.0)	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
2010 – 2020	Dasar Keselamatan Makanan Kebangsaan	Kementerian Kesihatan
2010 – 2020	Pelan Tindakan Keselamatan Makanan Kebangsaan	Kementerian Kesihatan
2011	Program Transformasi Ekonomi (ETP)	Jabatan Perdana Menteri
2011 – 2020	Dasar Agromakanan Negara (NAFP 1.0)	Kementerian Pertanian dan Industri Makanan
2011 – 2020	Dasar Komoditi Negara	Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi
2016 – 2025	Pelan Tindakan Pemakanan Kebangsaan Malaysia III	Kementerian Kesihatan
2019	Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (SPV 2030)	Kementerian Hal Ehwal Ekonomi
2021 – 2030	Dasar Agromakanan Negara (NAFP 2.0)	Kementerian Pertanian dan Industri Makanan

Tempoh	Dasar	Kementerian
2021 – 2025	Pelan Tindakan Dasar Keterjaminan Makanan 2021-2025	Kementerian Pertanian dan Industri Makanan
2021 – 2025	Dasar Pemakanan Kebangsaan Malaysia 2.0	Kementerian Kesihatan
2021 – 2030	Dasar Agrokomoditi Negara (DAKN 2021-2030)	Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi
2021 – 2025	Rancangan Malaysia Ke-12	Kementerian Ekonomi
2022 – 2030	Dasar Bioteknologi Kebangsaan (NBP 2.0)	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
2023	Kerangka Dasar Madani	Jabatan Perdana Menteri
2023	Kajian Separuh Penggal RMKe-12	Kementerian Ekonomi
2023 (sedang berlangsung)	Pelan Induk Keterjaminan Makanan Kebangsaan	Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan

Dengan lapan kementerian bertanggungjawab terhadap pelbagai aspek keterjaminan makanan, timbul cabaran dari segi penyelarasan, kesepaduan dasar, koordinasi pelaksanaan, ketelusan, serta tadbir urus yang berkesan.

Mengemudi landskap dasar yang berkembang dalam tren dasar makanan dan tadbir urus merupakan satu cabaran yang besar. Adalah penting untuk mengekalkan keseimbangan holistik sambil memastikan keadilan dan kelenturan dalam rantai nilai makanan. Selain itu, struktur harga perlu dikawal bagi mengekalkan kos sara hidup. Walau bagaimanapun, tadbir urus yang berkesan sering dihalang oleh ketiadaan matlamat yang jelas dan pencapaian yang boleh diukur dalam dasar awam. Isu ini boleh dikaitkan dengan kekurangan ketelusan.

Selain itu, perbezaan mandat dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dalam kalangan kementerian dan agensi menghalang usaha untuk melaksanakan dasar makanan yang lebih cekap, kohesif, dan saksama. Proses mencapai keseimbangan dalam menangani isu-isu ini kekal sebagai satu cabaran yang memerlukan pemikiran mendalam serta kerjasama daripada pihak berkepentingan utama dalam melaksanakan tadbir urus sistem makanan.

Relevansi pertanian berskala kecil dalam menghadapi kemajuan teknologi dan ekonomi bidangan merupakan perdebatan falsafah utama dalam sistem keterjaminan makanan Malaysia. Isu struktural menambah cabaran ini, terutamanya kerana Malaysia adalah penerima harga bagi kebanyakan hasil dan produk agro-makanan, kecuali minyak sawit dan produk berkaitannya. Kelemahan pelaksanaan dasar yang dirangka dengan baik, namun sering digantikan dengan tindakan reaktif terhadap perkembangan semasa, hanya memburukkan lagi masalah struktural yang sedia ada.

Masalah petani berskala kecil dalam menghadapi perkembangan teknologi dan ekonomi bidang adalah isu yang sering timbul dalam perbincangan mengenai sistem keterjaminan makanan di Malaysia. Masalah struktur pasaran juga menyebabkan situasi ini lebih mencabar kerana Malaysia secara amnya merupakan “pengambil harga” bagi kebanyakan hasil dan produk agro-makanan, kecuali minyak sawit dan produk minyak sawit. Mencapai keseimbangan adalah sukar kerana masalah struktur sering diperburuk oleh pelaksanaan dasar-dasar yang tidak berkesan. Dasar-dasar ini pula sering dipengaruhi oleh tindakan reaktif terhadap cabaran-cabaran yang baharu.

3. Cadangan dasar

3.1. Mengintegrasikan aspek pemakanan, diet, dan kesihatan dalam analisis dan unjuran keterjaminan makanan di Malaysia

Terdapat keperluan untuk menggabungkan aspek pemakanan, diet, dan kesihatan dalam agenda keterjaminan makanan jangka panjang, melalui pendekatan dan tindak balas nasional yang lebih holistik. Pertimbangan keterjaminan makanan perlu dianalisis berdasarkan keperluan dengan piramid makanan yang mengambil kira sumber karbohidrat, protein, serat, serta keperluan makro dan mikronutrien dalam diet. Di samping itu, analisis perlu menekankan kebolehgantian dan kesalinglengkapan sumber bagi setiap kumpulan makanan, bukan sekadar mengukur kadar SSR dan IDR bagi setiap item makanan.

Faktor pemakanan dan diet (transgenerasi) juga perlu diarusperdanakan dan digabungkan dalam analisis keterjaminan makanan. Ini perlu dilakukan dengan pemahaman yang lebih baik mengenai perubahan interaksi antara sains, ekonomi, dan dasar di Malaysia, seiring dengan kemajuan negara yang menuju ke arah negara berpendapatan tinggi. Ini memerlukan penglibatan Kementerian Kesihatan serta Kementerian Pendidikan, bersama dengan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, di peringkat negara, negeri, dan tempatan.

3.2. Meningkatkan ketahanan sistem makanan untuk keterjaminan makanan jangka panjang

Sistem makanan yang berdaya tahan merangkumi bekalan makanan yang stabil dan berterusan walaupun menghadapi gangguan setempat, dengan mempunyai pelbagai sumber makanan alternatif dan kategori makanan yang boleh digantikan (seperti sumber karbohidrat, protein, mikronutrien, dan serat). Dengan adanya sumber alternatif tersebut, sistem ini dapat memastikan keterjaminan makanan jangka panjang.

Dasar yang menyokong boleh memainkan peranan penting dalam membangunkan daya ketahanan sistem makanan. Sebagai contoh, insentif diberikan kepada amalan pertanian lestari, berkongsi strategi pengurusan risiko, serta meningkatkan pelaburan dalam penyelidikan dan pembangunan varieti tanaman yang tahan lasak boleh menyumbang kepada pembentukan sistem makanan yang lebih berdaya tahan.

Memandangkan interaksi yang semakin mendalam antara pengeluaran makanan dan perubahan iklim, sektor pertanian perlu mencari keseimbangan dalam memastikan aliran bekalan makanan berterusan dan kelestarian alam sekitar. Hal ini akan menjadi kunci bagi ketahanan makanan jangka panjang.

Langkah pertama ke arah ini adalah untuk meningkatkan amalan pertanian yang lebih adaptif. Ini termasuk penerapan teknologi pertanian digital yang moden yang seiring dengan amalan menangani perubahan semasa, terutamanya kesan perubahan iklim. Peralihan kepada varieti tanaman yang

tahan lasak terhadap perubahan iklim dan pengamalan pertanian yang mesra alam serta lestari merupakan sebahagian daripada usaha ini. Selain itu, pendekatan yang menggalakkan kesihatan tanah dan pengurusan air yang berkesan, termasuk pertanian regeneratif, turut memainkan peranan penting. Penggunaan teknologi pertanian digital terkini, seperti pertanian tepat, sistem pengairan maju, dan logistik pintar, juga dapat meningkatkan kecekapan, mengurangkan pembaziran, dan membolehkan respons yang pantas terhadap perubahan keadaan alam sekitar atau pasaran.

Ini perlu disokong oleh rangka kerja dasar yang berkesan dan koheren di peringkat tempatan dan antarabangsa untuk memupuk keterjaminan dan ketahanan sistem makanan. Tadbir urus tingkah laku pengguna, seperti pengambilan yang bertanggungjawab, perlu diberi perhatian dalam usaha ini. Selain itu, pemeliharaan persekitaran yang menyokong pertumbuhan sistem makanan yang tahan lasak juga amat penting. Kedua-dua perkara ini dapat diperkukuhkan melalui dasar yang meningkatkan kerjasama antara kerajaan, organisasi serantau dan antarabangsa, serta komuniti tempatan.

3.3. Memanfaatkan IPR-INTAN sebagai pemangkin untuk keterjaminan dan ketahanan sistem makanan

Bidang yang berpotensi untuk penambahbaikan berskala besar melibatkan pembesaran saiz ladang dan penggunaan amalan pertanian moden. Justeru, dasar dan strategi perlu beralih daripada pengoptimuman jangka pendek. Fokus harus diberikan kepada mewujudkan keseimbangan jangka panjang antara pertumbuhan pertanian dan memanfaatkan modal semula jadi negara.

Dengan menggalakkan dan memperkasakan pelbagai usahawan dalam sektor agro-makanan yang luas, pembuat dasar boleh membentuk penyelesaian berasaskan pasaran bagi mempelbagaikan pengeluaran makanan dan meningkatkan daya tahan sistem makanan. IPR-INTAN telah dirangka untuk selari dengan kerangka dasar MADANI.

Inisiatif utama dalam kerangka MADANI tertumpu pada penstrukturan ekonomi untuk “meningkatkan siling” sambil memastikan “menaikkan lantai”, yang mencerminkan komitmen terhadap keadilan sosial dengan memastikan kekayaan yang berkembang dapat dinikmati secara adil oleh rakyat. Keterjaminan makanan perlu berteraskan nilai-nilai MADANI dengan pendekatan holistik merangkumi keseluruhan negara dan keseluruhan masyarakat. Penyertaan rakyat, kerajaan, dan industri amat penting bagi memupuk semangat perpaduan, mengamalkan tadbir urus yang cekap dan diperkukuh dengan sistem penyampaian awam yang berkesan.

Dalam konteks keterjaminan makanan, kerangka MADANI menekankan usaha meningkatkan keterjaminan makanan melalui penggunaan tanah sedia ada yang optimum dan peringkatan produktiviti dengan penggunaan agro-teknologi. Ini selaras dengan KSP RMKe-12 yang menekankan pertanian dan industri-agro berasaskan pertumbuhan tinggi dan nilai tinggi (HGHV). Antara strategi utama yang diketengahkan ialah pemodenan sektor pertanian melalui pertanian pintar, menggalakkan amalan pertanian rendah karbon, dan memperluaskan pelaksanaan IPR-INTAN.

Dalam jangka pendek dan sederhana, usaha untuk menggerakkan IPR-INTAN serta menarik pelaburan ke dalam infrastruktur pertanian pintar mampu memberikan peningkatan ketara dalam taraf hidup golongan berpendapatan rendah, di samping menstabilkan pendapatan dan memperkukuh pemerikasaan serta peluang pekerjaan di peringkat tempatan.

Dalam jangka panjang, pengeluaran tanaman makanan secara strategik akan menyumbang kepada hasil yang lebih lestari, seiring modal semula jadi negara serta daya tahan keterjaminan makanan negara.

3.4. Menilai semula pengelasan minyak sawit dan strategi transformasi Malaysia ke arah negara pengeksporth makanan bersih yang besar

Kerajaan harus menyemak dan membetulkan kejanggalan definisi ini demi kepentingan negara dengan menyelaraskan pengelasan minyak sawit Malaysia dengan klasifikasi yang diguna pakai oleh FAO, Bank Dunia, dan UNCTAD. Transformasi strategik Malaysia ke arah menjadi pengeksporth makanan bersih merupakan peluang keemasan kerana ia dapat mengoptimumkan kelebihan semula jadi negara dalam rantai nilai dan jaringan perdagangan minyak sawit. Keunggulan Malaysia dalam penyelidikan, pembangunan, inovasi dan komersialisasi (R&D & I&C) di sepanjang segmen hulu, pertengahan dan hilir boleh dimanfaatkan untuk memaksimumkan pelbagai kegunaan minyak sawit bagi pasaran yang disasarkan secara strategik. Keupayaan ini boleh dimanfaatkan untuk membuka peluang perdagangan strategik, perdagangan balas (counter-trade) dan susunan pelaburan yang inovatif.

Selain itu, syarikat swasta Malaysia turut memainkan peranan penting dalam industri minyak sawit, sekali gus mengukuhkan kedudukan dalam rantai nilai dan jaringan perdagangan minyak sawit global. Dengan menggerakkan kelebihan ini, Malaysia boleh mengintegrasikan dan memautkan rantai nilai agro-makanan lain bagi memperkukuh bukan sahaja keterjaminan makanan jangka panjang, malah memperkasakan keupayaan negara dalam diplomasi makanan strategik di peringkat antarabangsa, serantau dan dua hala. Usaha ini digelar “gelembung perdagangan dan keterjaminan makanan” di peringkat antarabangsa, serantau, dan dua hala. Langkah ini boleh memposisikan Malaysia sebagai pemain utama dalam pakatan keterjaminan makanan pada setiap peringkat tersebut.

3.5. Membentuk semula landskap ekonomi dan perdagangan – koridor ekonomi serta ‘gelembung perdagangan dan keterjaminan makanan’

Malaysia mesti mengadaptasi pendekatan berasaskan sistem yang mengambil kira saling kebergantungan dalam rantai nilai makanan dan perdagangan. Terdapat keperluan mendesak untuk anjakan paradigma, bagi mengalihkan perhatian pembuat dasar daripada pendekatan reaktif kepada langkah diplomasi ekonomi proaktif yang bertujuan untuk mempersiapkan negara menghadapi sebarang gangguan berbilang dimensi di masa hadapan. Langkah kritikal termasuk sistem amaran awal serta peningkatan koordinasi dengan rakan dagang tradisional, terutama dalam menilai faktor penawaran dan permintaan yang pernah mengganggu rantai nilai dan jaringan perdagangan semasa pandemik Covid-19.⁸

Ini menuntut pengkalan perdagangan terbuka yang strategik serta rangkaian bekalan yang kukuh melalui konsep “gelembung” perdagangan dan keterjaminan makanan, yang berfungsi sebagai penampan kepada gangguan dengan memperluaskan sumber makanan serta jaringan pengedaran. Pendekatan ini mengiktiraf kepentingan saling kebergantungan ekonomi dalam menjamin bekalan makanan global dan serantau.

Salah satu inisiatif strategik utama adalah pengembangan pengeluaran dan perdagangan makanan dalam rantau, terutamanya ASEAN⁹. Langkah ini melibatkan pelbagai usaha, termasuk peningkatan kecekapan rantai bekalan makanan bagi mengurangkan kerentanan, memastikan kestabilan bekalan input pertanian untuk menyokong petani, memperkukuh jaminan pemilikan tanah bagi merangsang pelaburan ladang jangka panjang, serta memudahkan strategi pengurusan risiko bagi pekebun kecil. Dengan memfokuskan kepada langkah-langkah ini, Malaysia akan memperkukuh keupayaan pengeluaran makanan domestik dan mengurangkan risiko gangguan rantai bekalan global.

Secara selari, pembangunan koridor ekonomi rentas sempadan harus diperkukuh bagi membentuk semula geografi ekonomi dan mengintegrasikan wilayah negara jiran dalam usaha menangani isu keterjaminan makanan, penyelesaian konflik, integrasi ekonomi dan kerjasama teknikal. Salah satu contoh utama ialah inisiatif Segitiga Pertumbuhan Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT), di mana koridor Selat Melaka (Trang-Satun-Perlis-Pulau Pinang-Port Klang-Melaka) berpotensi untuk menjadi hab makanan antarabangsa, khususnya dalam sektor makanan halal. Perkara ini dapat dilihat melalui pembangunan terminal makanan dan pusat makanan bersepadu di sepanjang koridor ini.

Selain itu, konfigurasi Kawasan Pertumbuhan ASEAN Timur Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia-Filipina (BIMP-EAGA) turut mengintegrasikan keterjaminan makanan serantau dalam perancangannya. Pelan Visi 2025 menekankan pembangunan sub-wilayah secara mampan dengan menumpukan kepada pengukuhan industri agro dan perikanan sebagai sektor utama dalam usaha memperkukuh daya tahan makanan serantau.

3.6. Memperkukuh keterjaminan makanan jangka panjang melalui strategi dan rasionalisasi penyertaan Malaysia dalam rangka kerja serta mekanisme pelbagai hala dan dua hala

Penglibatan jangka panjang Malaysia dalam pelbagai rangka kerja hala dan dua hala mempunyai potensi besar, ditambah dengan naratif baharu Malaysia sebagai pengeksport makanan bersih hasil pembetulan definisi minyak sawit sebagai makanan, boleh dimanfaatkan untuk memperkukuh keterjaminan makanan jangka panjang negara. Selain memberikan manfaat kepada kekayaan inklusif Malaysia, terdapat keperluan untuk merangka strategi dan merasionalisasikan keterlibatan Malaysia di peringkat pelbagai hala, serantau dan dua hala agar sejajar dengan hala tuju yang dipilih untuk menjamin keterjaminan makanan jangka panjang.

Seperti yang telah dihuraikan, usaha mencapai manfaat ini sambil memperkukuh keterjaminan makanan jangka panjang Malaysia memerlukan koordinasi bersepadu antara kementerian utama dan sektor swasta. Oleh itu, Malaysia perlu mengamalkan pendekatan menyeluruh di peringkat negara (whole-of-nation response) serta usaha kolektif yang tertumpu secara strategik.

Sehubungan itu, pendekatan rentas pelbagai kementerian, termasuk kementerian yang kelihatannya tidak berkaitan secara langsung dengan keterjaminan makanan, serta penglibatan sektor swasta, harus dimanfaatkan dalam merasionalkan dan menyelaraskan komitmen serta sumber Malaysia terhadap rangka kerja dan mekanisme pelbagai hala serta serantau pada masa hadapan. Pendekatan ini akan memudahkan pencapaian keterjaminan makanan jangka sederhana dan panjang serta manfaat yang saling berkait. Ia juga akan membantu mengatasi kebimbangan, dan meneroka peluang-peluang kerjasama yang baru.

3.7. Meningkatkan koordinasi antara kerajaan dan keseragaman dasar

Memandangkan keterjaminan makanan dan sistem makanan bersifat multidimensi, perlu ada penekanan yang lebih besar terhadap penyelarasan dalam kerajaan serta kesepaduan dasar yang berkaitan dengan keterjaminan makanan. Oleh kerana ekosistem makanan berbeza antara negeri dan dalam setiap negeri, usaha yang lebih terarah dan bersepadu dalam pemantauan serta penilaian merentas kementerian dan agensi adalah amat diperlukan.

Dasar, pelan induk dan rancangan tindakan berkaitan keterjaminan makanan hendaklah ditetapkan di peringkat persekutuan, tetapi dengan fleksibiliti terbina bagi membolehkan penyesuaian relatif di peringkat negeri dan tempatan – di mana dilaksanakan. Inilah amat penting kerana purata nasional

tidak semestinya mencerminkan realiti di setiap negeri dan lokaliti di Malaysia. Pendekatan ini dalam penggubalan dan pelaksanaan dasar boleh diperkukuhkan lagi dengan mewujudkan mekanisme kajian berkala bagi membolehkan penyesuaian dasar dilakukan mengikut perubahan keadaan dan keperluan semasa.

4. Kesimpulan

Malaysia berada pada satu titik kritikal dalam usaha mengejar keterjaminan makanan jangka panjang, menghadapi cabaran global, serantau, dan nasional yang memerlukan penyusunan semula pendekatan strategik. Dinamika kompleks sistem makanan menuntut strategi yang komprehensif dan seimbang, melangkaui penekanan tradisional terhadap keberdikarian makanan semata-mata.

Pandemik Covid-19 menjadi peringatan jelas mengenai kerentanan dalam rantai bekalan makanan global dan serantau. Secara dalaman, ia menyerlahkan keperluan untuk mengamalkan pendekatan menyeluruh daripada keseluruhan masyarakat dan kerajaan, dengan penekanan terhadap kerjasama daripada pelbagai pihak berkepentingan dalam pelaksanaan dasar.

Usaha gigih perlu dilaksanakan untuk membetulkan kejanggalan definisi yang tidak disengajakan yang telah lama wujud, iaitu kegagalan mengklasifikasikan minyak sawit sebagai makanan, walaupun banyak organisasi antarabangsa mengklasifikasikannya sebagai makanan, seperti yang dihuraikan dalam bahagian analisis. Langkah pembetulan ini, walaupun lewat, adalah lebih baik daripada tidak dilakukan langsung. Ia akan membawa kepada anjakan paradigma dengan menyokong transformasi Malaysia daripada negara yang diiktiraf sebagai pengimport bersih makanan kepada pengeksport bersih makanan yang besar, dengan kelebihan strategik kepada industri minyak sawit dan negara secara keseluruhan. Langkah ini turut membuka potensi untuk perdagangan dan pelaburan strategik serta inovatif, termasuk kerjasama antarabangsa dan dua hala dalam bentuk “gelembung perdagangan dan keterjaminan makanan”, sekaligus meletakkan Malaysia sebagai pemain utama dalam pakatan keterjaminan makanan global, serantau, dan dua hala.

Selain daripada keberdikarian semata-mata (ketersediaan), keterjaminan makanan Malaysia perlu mengiktiraf kepentingan aspek kebolehcapaian, penggunaan, kestabilan, kelestarian, dan keupayaan. Untuk pendekatan yang lebih holistik terhadap keterjaminan makanan, pertimbangan terhadap pemakanan dan diet harus dimasukkan, bukan sahaja untuk penggantian atau pelengkap makanan, tetapi juga untuk menangani kesan beban berganda malnutrisi dan penyakit tidak berjangkit berkaitan pemakanan pada masa hadapan.

Cabaran dalam tadbir urus dan aliran dasar, seperti yang ditunjukkan melalui evolusi sejarah dasar berkaitan makanan, menekankan keperluan untuk koordinasi, ketelusan, dan rangka kerja yang padu. Apabila Malaysia bergerak ke hadapan, pemahaman yang lebih mendalam mengenai peranan pertanian berskala kecil, disertai dengan pendekatan berasaskan sistem, menjadi semakin penting untuk tadbir urus yang efektif.

Syor dasar yang dikemukakan menekankan kepentingan memasukkan pemakanan dan diet ke dalam analisis dan tinjauan keterjaminan makanan, meningkatkan daya tahan makanan, menilai semula klasifikasi minyak sawit sebagai makanan, mengubah geografi ekonomi dan perdagangan, serta memperkukuh koordinasi antara agensi kerajaan. Sekiranya syor-syor ini dilaksanakan secara menyeluruh, ia akan menyediakan asas untuk membawa Malaysia ke arah laluan yang lebih holistik dan seimbang bagi mencapai keterjaminan makanan jangka panjang.

Nota hujung

- 1 Dari sumber “High-Level Panel of Experts (2020). Report on Food Security and Nutrition: Building A Global Narrative Towards 2030. FAO Committee on World Food Security. Rome”
- 2 Fanzo, J. and C. Davis. (2021). Global Food Systems, Diets, Economics, and Policy. Switzerland, Palgrave Macmillan
- 3 ISIS (2011). Malaysia: Policies and Issues in Economic Development. IISIS Malaysia. Kuala Lumpur
- 4 Kawasan seluas 5.6 juta hektar yang ditanam dengan kelapa sawit pada 2022 jauh melebihi kawasan yang ditanam dengan tanaman agro-makanan lain. Rantaian nilai minyak sawit dan rangkaian perdagangan juga memberi sumbangan besar kepada pekerjaan, penambahan nilai sepanjang rantaian nilainya serta pendapatan eksport yang signifikan.
- 5 Termasuk Asean+3 dan Asean + X (Asean + negara individu atau kumpulan negara lain)
- 6 Dari segi operasi, bukti empirik menunjukkan bahawa perjanjian bilateral sering kali digunakan pada waktu “bantuan kekurangan atau kecemasan”, walaupun terdapat rangka kerja serantau dan multilateral yang sedia ada untuk tujuan tersebut.
- 7 Terdapat juga dasar, pelan tindakan dan pelan tindakan yang dibangunkan di peringkat negeri serta koridor ekonomi seperti ECER, NCER dan SEDIA. Senarai ini tidak lengkap.
- 8 Seperti dinyatakan oleh Arif Husain, ketua ekonomi di Program Makanan Dunia PBB, “Pada masa lalu, kita sering berhadapan dengan krisis sisi permintaan atau krisis sisi penawaran. Namun, kali ini ia melibatkan kedua-duanya – krisis penawaran dan permintaan pada masa yang sama, dan di peringkat global,” dan “Ini menjadikannya tanpa precedent dan belum diterokai
- 9 Termasuk ASEAN+3, ASEAN+X, dan perjanjian dua hala lain.

Rujukan

ADB (2022). ADB Plans \$14 Billion to Ease Food Crisis, Promote Long-Term Food Security in Asia and the Pacific. <https://www.adb.org/news/adb-plans-14-billion-ease-food-crisis-promote-long-term-food-security-asia-and-pacific> (Accessed 20/12/2023)

ASEAN (2020). ASEAN Integrated Food Security (AIFS) Framework and Strategic Plan of Action on Food Security (SPA-FS) 2021-2025. <https://asean.org/asean-integrated-food-security-aifs-framework-and-strategic-plan-of-action-on-food-security-spa-fs-2021-2025-2/>

Dasgupta, P. (2021), The Economics of Biodiversity: The Dasgupta Review. (London: HM Treasury)

Fanzo, J. and C. Davis. (2021). Global Food Systems, Diets, Economics, and Policy. Switzerland, Palgrave Macmillan

FAO (undated). A long-term strategy for food security <https://www.fao.org/3/X8530E/x8530e03.htm>

Franzo, J. and Rudie, C. (2023), Sustainable food systems and nutrition in the 21st century: a report from the 22nd annual Harvard Nutrition Obesity Symposium, The American Journal of Clinical Nutrition

High Level Panel of Experts (2020). Report on Food Security and Nutrition: Building A Global Narrative Towards 2030. FAO Committee on World Food Security. Rome

ISIS (2011). Malaysia: Policies and Issues in Economic Development. IISIS Malaysia. Kuala Lumpur. Chapter 5, Agriculture. pp121-146

Trim, I (2022). A tale of three capitals: preserving natural capital. The Actuary. <https://www.theactuary.com/features/2022/08/30/tale-three-capitals-preserving-natural-capital> (Accessed 27/12/2023)

UNICEF (2019). The State of the World's Children 2019. Children, Food and Nutrition: Growing well in a changing world. UNICEF, New York

World Bank (2018). The Changing Wealth of Nations 2018: Building a Sustainable Future. Washington D.C. The World Bank

World Bank (2023). Food Security Update. The World Bank <https://thedocs.worldbank.org/en/doc/40ebbf38f5a6b68bfc11e5273e1405d4-0090012022/related/Food-Security-Update-XCVII-December-14-23.pdf>



**INSTITUTE OF STRATEGIC &
INTERNATIONAL STUDIES
(ISIS) MALAYSIA**

Address 1, Persiaran Sultan Salahuddin,
50480 Kuala Lumpur, Malaysia
Phone 603 2693 9366
E-mail info@isis.org.my

 www.isis.org.my |  [ISIS_MY](#)

 [ISISMalaysia](#) |  [isis-malaysia](#)

 [isis_malaysia](#)